



MULTAQA ULAMA SEDUNIA

ملتقى العلماء العالمى

WORLD CONFERENCE OF ISLAMIC SCHOLARS

Putrajaya, 10-12 Julai, 2003

KERTAS KERJA XXII

**Ke Arah Melengkapkan Kekuatan
Ketenteraan Untuk Pertahanan Dunia Islam**

Oleh:

Brig. Jen. Dato' Najmi Ahmad

Putrajaya, Malaysia

12 Julai, 2003

Ke Arah Melengkapkan Kekuatan Ketenteraan Untuk Pertahanan Dunia Islam

Oleh Brig. Jen. Dato' Najmi Ahmad

Muqaddimah

Segala puji bagi Allah s.w.t, selawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w., keluarga dan para sahabatnya.

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah kerana dijemput menyertai Multaqa ini dengan membentangi sebuah kertas yang saya berikan judul **“Melengkapkan Kekuatan Ketenteraan Untuk Pertahanan Dunia Islam”**. Sebenarnya ia bukanlah sebuah kertas kerja malah lebih merupakan sinopsis dan catatan kepada rentetan peristiwa yang melibatkan umat Islam pada zaman-zaman mutakhir ini.

Latar Belakang

Sesungguhnya ketenteraan adalah merupakan salah satu bidang terpenting yang menjadi sendi utama kepada kekuatan dan keutuhan sesebuah tamadun. Dengan kata lain ia lebih merupakan institusi yang menawarkan modul bagi menjana ketahanan dan kekuatan sesebuah tamadun sekaligus menjana pengembangan dan menjamin kelangsungannya.

Bukti-bukti sejarah menjelaskan kenyataan ini di mana setiap tamadun samada tamadun lama mahupun semasa telah meletakkan institusi ketenteraan sebagai salah satu komponen utama di dalam membangun tamadun mereka.

Perbincangan

Mengimbu kembali sejarah ketenteraan dalam tamadun Islam, bermula dari zaman Rasulullah s.a.w. dan zaman-zaman selepasnya, jelas ia adalah tunggak yang tidak terpisah dari kerangka tasawwur Islam yang berjalan seiring dalam satu gagasan yang tersusun rapi dengan tauhid sebagai teras yang dijana mengikut sibghatullah di mana jihad bertindak mendominasi ekseseis dan aktivitiya. Dari situlah terbitnya award ¹ إحدى الحسنين dan ² عند ربهم يرزقون dan lain-lain lagi sekaligus merangsang gerakan futuhat dalam usaha mempetahankan risalah Islamiah.

Kekuatan Asas Kelangsungan

Al-Quran yang diruangi dengan banyak ayat yang membicarakan soal kekuatan telah menempatkan ketenteraan sebagai asasnya, bertujuan merangsang kebangunan ummah untuk berperanan mewajahi kehidupan sebagai khalifah, berkeupayaan menentu arah tuju masyarakat, sesuai dengan risalah Muhammadiyyah, bukan untuk menjuarai isu-isu khilafiyah.

Dengan tersasar dari matlamat ini, di samping gagal mengolah sejarah kebangkitan yang berada bersama Islam di zaman keemasan dan kemuncaknya, diparahkan lagi dengan sifat ghaflah dalam kelesuan minda, kaku dalam kejumudan fikrah, tidak terasa rimas dengan kelemahan, tidak rasa resah dengan himpitan dan penguasaan pihak asing ke atas negara, budaya, ekonomi, politik dan sebagainya,

¹Al-Taubat: ayat 52

maka menyebabkan kita terpinggir jauh dari arus perdana dalam menentu masa depan kita sendiri. Sekaligus terus berada dalam daerah Al-Mustadh'afin Fil Ardh

(مستضعفين في الأرض)

ertinya kita menjadi umat yang paling lemah di muka bumi Allah ketika ini dan telah beada jauh dari kerangka asal yang Allah tentukan untuk kita iaitu Khaira Ummah

أنتم الأعلىون dan Antumul A'launa خير أمة

Sesungguhnya umat Islam hari ini telah mengabaikan tuntutan dan tanggungjawab terhadap Allah dalam aspek mempersiapkan kekuatan. Kita telah mengabaikan perintah Allah dalam Al-Quran

واعدوا لهم ما استطعتم من قوة ومن رباط الخيل ترهبون به عدو الله
وعدوكم وءآخريين من دونهم لا تعلمونهم الله يعلمهم³

mengikut uruf lughah dan syaraknya bahawa kedatangan ayat ini dengan sighah al amr tanpa qaridah yang memalingkannya dari makna wajib ke makna mana lain telah memberikan isyarat bahawa mengumpul segala kekuatan dalam menghadapi cabaran musuh adalah satu kewajipan syarie ke atas umat Islam di sepanjang zaman lebih-lebih lagi di dalam keadaan umat Islam sering menjadi mangsa penindasan dan kezaliman pihak asing seperti yang sedang kita saksikan sekarang.

Kita tidak menafikan tentang kesedaran ini di kalangan umat Islam, tetapi yang menjadi masalah ialah kesedaran yang ada pada kita, tidak diterjemahkan ke alam realiti kerana kita tidak mempunyai daya saing akibat ketinggalan kita dalam bidang sains dan teknologi. Justeru itu, setiap konflik yang melibatkan umat Islam kita hanya mampu melihat tetapi tidak mampu berdepan bagi mempertahankan maruah. Dalam pada itu ada pula negara-negara Islam, yang sanggup bersekongkol

² Ali Imran: ayat 169

dengan musuh memberi kemudahan pengkalan-pengkalan mereka digunakan oleh musuh dalam gerakan menghancurkan umat dan negara Islam.

Bagaimana Musuh Mendepani Konflik

Mari kita lihat perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku pada masa kini, di mana jika diteliti ia adalah satu perkiraan pihak musuh dalam persiapan mereka menghadapi Islam yang dianggap musuh selepas berakhir era perang dingin.

Kita lihat bahawa aliran pengwilayahan bagi kerjasama ekonomi juga ketenteraan secara langsung dikuatkan dengan jatidiri setiap peradaban, mungkin barangkali satu contoh jelas ialah EU dan NATO yang rata-rata anggotanya berperadaban kristian kecuali Turki dalam NATO, satu petanda besar betapa kesiagaan mereka mendepani Islam untuk terus kekal sebagai kuasa besar memerintah dunia. Yang anehnya, sebahagian besar dari sumber kekuatan mereka adalah hasil sumbangan dari negara-negara Islam yang dialir untuk kepentingan mereka.

Di samping kekuatan ekonomi ketenteraanlah yang menjadi asas sandaran penting barat dalam rancangan mereka mengepung dunia luar. Anthony Lake, penasihat keselamatan negara kepada Clinton, menegaskan bahawa diplomasi yang tidak berkaitan dengan kuasa akan gagal. Amerika Syarikat yang memiliki 200 pengkalan tentera di seberang laut menjadi tunggak kepada pertahanan dan perluasan kuasa barat. Kekuatan ketenteraan sebagai jaminan dalam penawanan dunia menyebabkan barat berusaha bersungguh-sungguh untuk mengekalkan monopolinya ke atas senjata nuklear. Keupayaan bukan barat memiliki senjata nuklear adalah menjadi suatu yang amat membimbangkan barat khususnya Amerika.⁴

³ Al-Anfal : ayat 60

⁴ Dato' Prof Muhammad Abu Bakar. Managing The Future: Islam In The Post Cold War Era, kertas kerja Seminar On Islamic Civilization IKIM 29-30 Ogos 1994

Kini negara dan umat Islam berada jauh ke belakang dari negara barat dalam bidang ketenteraan. Keadaan ini berlaku kerana kita ketinggalan jauh dalam bidang penyelidikan dan pembangunan R&D dalam industri pertahanan. Pada umumnya pada masa kini negara-negara Islam bergantung kepada negara-negara barat khususnya Amerika bagi mendapatkan kelengkapan ketenteraan. Tidak dapat dinafikan bahawa setakat ini industri pertahanan Amerika lah yang membangunkan sebahagian besar peralatan ketenteraan yang digunakan oleh negara-negara Islam. Lima syarikat gergasi pertahanan Amerika Syarikat iaitu Roftheon, Northrop, Grumman, Lockheed Master, General Dynamics dan Boeng membolot sebahagian besar industri pertahanan dunia.

Telah berlaku apa yang dipanggil sekatan secara terang dan halus yang dipelopori oleh Amerika Syarikat untuk menghalang negara yang tidak bersekongkol dengan Amerika Syarikat daripada memperolehi alat gantian kelengkapan ketenteraan mereka.

Malaysia juga tidak terkecuali dalam hal sekatan alat gantian kelengkapan ketenteraan yang berkemungkinan melumpuhkan kecekapan dan keberkesanan ATM dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. ATM walaupun menggunakan kelengkapan ketenteraan yang bukan sahaja dibekalkan oleh industri pertahanan Amerika Syarikat, tetapi menjadi penghalang kepada kuasa unipolar ini memulus tangan negara pembekal seperti Perancis dan Russia.⁵

Sebagai persiapan di dalam menghadapi keadaan ini dari terus berlaku secara berterusan, negara-negara Islam harus menumpukan usaha dalam bidang industri pertahanan terutama dalam menumpukan bidang R&Dnya. Bagi negara-negara maju, R&D sains pertahanan amat mendapat perhatian pihak pembuat dasar. Amerika

⁵ Prof Madya Dr. Azmi Hassan: Pusat Dasar dan teknologi dan kajian pusat dasar teknologi dan kajian Antarabangsa UTM rencara Berita Harian bertarikh 5 Julai 2003.

Syarikat umpamanya, peruntukan untuk tujuan ini mencecah hampir RM 1 trilion bagi tahun 2002 sahaja.

Inilah yang menjadi masalah besar yang dihadapi oleh negara-negara Islam kerana kita hanya menjadi negara pengguna tetapi tidak sebagai negara pengeluar paling kurang untuk kegunaan sendiri.

Sudah tiba masanya aliran pengwilayahan dikalangan negara-negara Islam seperti OIC memperluaskan bidang kerjasama mereka dengan mengwujudkan pakatan ketenteraan di mana penumpuan harus diberi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan industri pertahanan atau R&D. Tanpa kerjasama yang melibatkan pakatan ketenteraan, dengan memberi perhatian untuk membangun industri pertahanan OIC akan dilihat tidak lebih dari badan kebajikan yang tidak akan mencapai matlamat memperkasakan umat, paling kurang mampu mempertahankan tempat-tempat suci Islam kerana selain wilayah tempat-tempat suci sering menjadi punca kepada sesuatu konflik. Justeru itu konflik harus diurus secara tepat dan saksama kerana kadang kala konflik tidak semestinya kita berada di zon peperangan, malah berada di dalam keadaan biasa tetapi kesan kepada kepentingan umat sentiasa terjejas ekoran serangan dalam bentuk-bentuk lain. Untuk itu umat Islam mesti sentiasa berorientasikan pengalaman dan penjelajahan Fikri Hadhari Waqie yang disepadukan dengan konsep kesiagaan untuk menjana kelangsungan umat dan kelangsungan risalah itu sendiri.

Selain R&D dalam industri pertahanan, peranan media suatu yang cukup mustahak dan penting dalam kerangka berhadapan dengan musuh. Imbas kembali operasi ketenteraan yang melibatkan Amerika Syarikat di Afghanistan umpamanya, di mana sebelum operasi dijalankan, kepimpinan Taliban telah kehilangan simpati dari masyarakat akibat serangan media yang dilakukan oleh Amerika Syarikat sehingga

persepsi dunia antarabangsa terhadap Taliban terlalu buruk, di situ kemenangan telah memihak kepada Amerika Syarikat, belumpun serangan bermula.

Pengajaran dari operasi-operasi ketenteraan yang telah kita saksikan, nampak benar kekuatan umat Islam dalam menghadapi perang siber dan teknologi masih berada di tahap yang terendah. Justeru itu penguasaan ke atas perkembangan teknologi maklumat perlu dilaksanakan di kalangan negara-negara Islam sebagai keperluan kekuatan seperti yang dimaksud oleh ayat 60 surah Al-Anfal.

واعدوا لهم ما استطعتم من قوة

yang bermaksud: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang mencero boh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap bersedia, untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya sedang Allah mengetahuinya dan apa saja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiayai.”

Dari sudut Balaghah seperti yang diulas oleh Dr. Wahbah Al-Zuhaili:⁶

(من قوة) نكرة تفيد العموم فتشمل الاعداد المادي بمختلف الاسلحة المناسبة للعصر المتطورة حسبما يوجد لدى العدو المصنعة في داخل البلاد الاسلامية وتشمل ايضا الاعداد المعنوي والروحي من حفز المواهب والقوى والاعداد الجيل اعدادا حربيا وتسليحه بالعقيدة الاسلامية الحققة وبالاخلاق الدينية الصالحة . وبغير ذلك لانصر على العدو

⁶ Dr Wahbah Al-Zuhaili: Al-Tafsir Al-Munir Fil Aqidah Wa Hisyariah Wal Manhaj. Darul Fikri Al-Maasir Beirut.

Dari segi kenyataannya kedudukan umat Islam amat terlalu jauh dari yang dituntut, sebagai perbandingan sila lihat Kembaran A yang disertakan bersama kertas ini.

Penutup

Kesimpulan daripada apa yang diperbincangkan menjurus kita untuk bersama mengatasi kemelut umat dengan memperkasakan jatidiri, melalui pembentukan daya fikir berlandaskan Fikrul Hadhariyyul Waqie dengan pengukuhan memahami peradaban ummah seperti yang diungkapkan oleh Malek bin Nabi , A Dynamic Culture iaitu himpunan dari beberapa aspek terpenting iaitu dari sosialnya merangkumi aqidah, tradisi, adat resam, pemikiran, bahasa, pendidikan⁷ dan tentunya sains dan teknologi.

⁸ Al-Usus Al-Tarbiyyah Li Taghaiyuri Al-Mujtama Enda Malik bin Nabi Majallah Al-Ummah, Safar 1405 pg. 26.